



PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
Office of the Chief Registrar  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
Federal Court of Malaysia  
PALACE OF JUSTICE  
PRESINT 3  
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803500  
Telephone 03-88803700  
03-88803900

Faks : 03-88803886  
Fax

Ruj. Tuan:  
Your Ref:

Ruj. Kami:  
Our Ref: (40) dlm. JK/MA 38/3

Tarikh:  
Date: 17 Ogos 2006

Timbalan Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya / Sabah dan Sarawak

Pendaftar  
Mahkamah Sesyen/Majistret  
Seluruh Malaysia

Tuan/Puan,

#### ARAHAN AMALAN BIL. 1/2006

#### PENGASINGAN REKOD-REKOD RAYUAN

Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara telah mengarahkan bahawa bagi tujuan memudahkan rujukan, pihak-pihak yang terlibat dalam penjilidan Rekod Rayuan untuk kes-kes rayuan ke mahkamah atasan hendaklah mengasingkan rekod-rekod tersebut mengikut mahkamah.

#### 2. Rayuan Jenayah

Untuk kes-kes rayuan ke Mahkamah Rayuan, pihak pendaftaran Mahkamah Tinggi hendaklah menyediakan satu jilid rekod prosiding di Mahkamah Rendah dan satu jilid lagi prosiding di Mahkamah Tinggi.

Bagi rayuan ke Mahkamah Persekutuan Malaysia, pihak pendaftaran Mahkamah Rayuan hendaklah menyediakan rekod prosiding di Mahkamah Rendah (jika perlu), prosiding di Mahkamah Tinggi dan prosiding di Mahkamah Rayuan dan dijilidkan secara berasingan.



...2/-

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

-2-

3. **Rayuan Sivil**

Sepertimana penyediaan Rekod-Rekod Rayuan Jenayah, para peguam hendaklah menyediakan Rekod Rayuan Sivil dengan mengasingkan rekod prosiding mengikut mahkamah.

4. Arahan ini berkuatkuasa mulai pada tarikh arahan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' TENGGU MAIMUN BINTI TUAN MAT)**

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Palace of Justice, Putrajaya

s.k :

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan  
Palace of Justice, Putrajaya

Y.A.A. Presiden  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Palace of Justice, Putrajaya

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan  
Palace of Justice, Putrajaya

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Palace of Justice, Putrajaya



Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Palace of Justice, Putrajaya

Majlis Peguam  
No. 5, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur